

02/03/1998

Wawasanita tubuh koperasi bantu ahli

Khairana Sabtu

PERSATUAN Usahawan Wawasan Wanita Malaysia (Wawasanita) akan menubuhkan syarikat koperasi bagi membantu ahlinya meluaskan peluang perniagaan.

Presidennya, Noor Hayati Abd Rahman, berkata syarikat koperasi itu bertindak sebagai ejen pemasaran disamping menolong ahli Wawasanita mendapatkan modal perniagaan.

Menurut Noor Hayati, syarikat koperasi itu akan ditubuhkan pada bila-bila masa saja tahun ini.

"Kami masih belum lagi menetapkan tarikh serta nama untuk syarikat itu. Apa yang pasti, ia pasti menjadi kenyataan pada tahun ini juga.

"Ini kerana keadaan ekonomi yang kurang stabil membuatkan ramai peniaga kecil seperti Wawasanita hilang peluang perniagaan.

"Kami tidak mahu perkara ini sampai ke tahap gulung tikar. Oleh itu, penubuhan syarikat koperasi adalah tepat pada masanya iaitu membantu ahli Wawasanita mengukuhkan lagi perniagaan mereka," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Aidilfitri Wawasanita di sebuah hotel di ibu kota, hari ini.

Majlis itu dihadiri hampir 100 ahli Wawasanita di dalam dan luar Kuala Lumpur.

Noor Hayati berkata, Wawasanita turut mengatur beberapa perancangan bagi membantu kerajaan menangani masalah ekonomi.

"Wawasanita bersama beberapa pertubuhan lain turut dipanggil untuk berdialog bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri menjelaskan kedudukan sebenar ekonomi negara dan meminta Wawasanita supaya turut serta membantu.

"Sebagai menyahut seruan Perdana Menteri, ahli Wawasanita diminta supaya mengamalkan cara perbelanjaan berhemat di samping menanam minat menabung," katanya.

Wawasanita juga mengatur seminar untuk menaikkan semula semangat ahlinya meneruskan cabaran berniaga dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Noor Hayati berkata, seminar itu akan diadakan pada pertengahan tahun ini dan membabitkan panel penceramah daripada institusi kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

Sementara itu, Noor Hayati berkata, Wawasanita juga cuba mendapatkan penjelasan sebenar mengenai Pelaburan Ehsan Wanita yang ditubuhkan Wanita Barisan Nasional (BN) sebelum sebarang keputusan untuk menyertainya dibuat.

"Sebenarnya kami masih lagi keliru antara Amanah Saham Wanita yang dicadangkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Pelaburan Ehsan Wanita.

"Setakat ini kami memang tahu mengenai Amanah Saham Wanita tetapi tidak Pelaburan Ehsan Wanita.

"Oleh itu, adalah wajar kami mendapat penjelasan mengenainya daripada syarikat yang menguruskan kutipan Pelaburan Ehsan Wanita iaitu Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd," katanya.

(END)